

9 Mac 2012

Ambil dadah keluar meragut

Oleh Zaitie Satibi

am@hmetro.com.my



BUKTI...senjata dan barangan yang dirampas daripada anggota Geng LC.

PUCHONG: Enam lelaki anggota kumpulan samun dan ragut bermotosikal dikenali Geng LC yang ditumpaskan polis beberapa hari lalu dikesan menagih dadah jenis heroin dipercayai bagi meningkatkan stamina ketika melakukan jenayah berkenaan di bandar ini sejak enam bulan lalu.

Kumpulan terbabit tumpas selepas polis memberkas ketuanya berusia 27 tahun ketika suspek cuba menyamun seorang wanita di tempat letak kereta sebuah pasar raya di pusat bandar Sabtu lalu sebelum dia mendedahkan baki anggota kumpulannya. Ketua Polis Daerah Serdang, Superintendan Abdul Razak Elias berkata, kejadian samun di tempat letak kereta itu disedari dua anggota polis yang melakukan rondaan cegah jenayah yang ternampak suspek menarik beg tangan mangsa seorang pembantu peribadi swasta berusia 33 tahun.

Menurutnya, mangsa melawan dengan menarik semula beg tangannya menyebabkan suspek jatuh daripada motosikalnya, namun suspek bangkit dan mengeluarkan parang ke arah mangsa.

“Melihat kejadian itu, dua anggota polis berkenaan menangkap mangsa dan berlaku pergelutan menyebabkan seorang anggota cedera di tangan kanan terkena parang.

“Suspek juga dipercayai khayal ketika melakukan jenayah itu dan semakan lanjut mendapati dia mempunyai empat rekod jenayah lampau berkaitan kes dadah dan curi, manakala nombor pendaftaran motosikal digunakannya juga palsu serta dilaporkan hilang di USJ 8, Subang Jaya,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, di sini, semalam.

Abdul Razak berkata, suspek kemudian membawa polis ke sebuah rumah di Kampung Bersatu, di sini, sebelum polis menahan seorang lelaki yang juga anggota kumpulan itu berusia 33 tahun.

“Pemeriksaan di rumah itu menemui pelbagai senjata yang digunakan untuk menyamun dan peralatan mencuri motosikal serta beberapa barangan dipercayai milik mangsa mereka.

“Suspek kedua juga mempunyai enam rekod jenayah lampau membabitkan kes dadah, curi, dan pecah rumah termasuk dua langkah pencegahan khas di Terengganu,” katanya.

Beliau berkata, suspek kedua kemudian membawa polis ke Kampung Kenangan, di sini, sebelum menahan empat lagi lelaki berusia 20-an hingga 50-an yang turut memiliki rekod jenayah lampau.

“Siasatan lanjut mendapati, semua suspek bekerja dalam satu kumpulan dan bergiat aktif sejak enam bulan lalu dan dengan tangkapan ini polis percaya dapat menyelesaikan lapan kes ragut dan 13 kes curi motosikal di Puchong,” katanya.